

25/07/2002

Kumpulan pemikir MTEN kemuka 13 cadangan

KUALA LUMPUR, Rabu - National Brains Trust (NBT), kumpulan pemikir bagi sistem pendidikan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengemukakan 13 cadangan meningkatkan lagi mutu sistem pendidikan negara kepada kerajaan dalam usaha melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing.

Pengerusi NBT, Tan Sri Dr Noordin Sopiee, berkata 13 cadangan itu terkandung dalam satu laporan yang dikemukakan kumpulan pemikir itu kepada MTEN baru-baru ini dan sedang menunggu penelitian Kabinet.

"Antara kandungan laporan itu termasuk cadangan perubahan sistem pendidikan sedia ada kepada yang lebih baik bagi memastikan Malaysia menghasilkan tenaga kerja berkemampuan bagi memenuhi kehendak negara pada masa depan," katanya selepas majlis pelancaran Persidangan Pendidikan Kebangsaan anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) di Subang Jaya, semalam.

NBT yang ditubuhkan dua bulan lalu, dianggotai 68 ahli daripada pelbagai industri pendidikan, mengadakan 23 mesyuarat bagi mengemukakan cadangan kukuh memperbaiki sistem pendidikan negara sebagai persediaan menuju negara maju.

Dr Noordin yang juga Pengerusi dan Ketua Eksekutif, Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis) berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengetuai MTEN sudah melihat laporan itu, yang disediakan dengan bantuan Kementerian Pendidikan.

Secara asasnya, beliau berkata, laporan itu mahu mengubah idea keseluruhan mengenai peperiksaan dalam sistem pendidikan dengan penekanan kepada aplikasi pengetahuan.

Dr Noordin berkata, Malaysia bersungguh-sungguh mahu keluar daripada kancuh negara Dunia Ketiga kepada Dunia Pertama, tetapi tidak mampu dicapai kecuali standard baru ditetapkan dan keputusan baru membabitkan pendidikan dihasilkan.

Berucap berkata, kita Malaysia ingin mendapat kemajuan besar dalam usaha melahirkan tenaga kerja bertaraf dunia, ia perlu melaksanakan dengan pantas sekurang-kurangnya tujuh perkara dalam cadangan itu.

"Mula-mula sekali, kerajaan perlu menjadikan pembangunan sumber manusia dan pendidikan sebagai keutamaan dalam tempoh dua dekad akan datang.

"Ini diikuti memperkasa tenaga kerja dengan penguasaan bahasa Inggeris pelaburan lengkap dalam sistem persekolahan dengan memberi keutamaan pada sekolah rendah dan menengah," katanya.